

HUBUNGAN PELIK KAYU-KAYAN & TEH



Kejayaan mempelbagaian bergantung pada perancangan, pelaksanaan dan pengurusan. Syarikat perlu mengambil pendekatan berhati-hati apabila mempertimbangkan mempelbagaian, menilai dengan teliti setiap risiko dan peluang sebelum meneroka bidang baharu.

> **Tinjauan Mingguan MSWG AGM/EGM**
Muka 6

> **Pengumuman Khas**
Muka 22

Pempelbagaian perniagaan: Laluan pertumbuhan atau perangkap kegagalan?

SOROTAN UTAMA

- AGM menyediakan peluang keemasan kepada pemegang saham untuk melibatkan diri dengan pihak pengurusan dan membuat keputusan termaklum. Kejayaan AGM bergantung pada tata kelola syarikat dan penyertaan pemegang saham yang aktif.

Oleh Team MSWG

Dalam landskap perniagaan hari ini yang berubah dengan pantas, syarikat sentiasa mencari cara baharu untuk kekal berdaya saing, mengembangkan bahagian pasaran mereka serta meningkatkan keuntungan. Salah satu strategi paling popular untuk mencapai matlamat ini ialah mempelbagaian iaitu memperluas operasi syarikat ke dalam bidang baharu yang selalunya tidak berkaitan dengan perniagaan terasnya. Namun, apakah yang mendorong syarikat untuk melaksanakan mempelbagaian dan adakah ia sentiasa satu langkah yang bijak?

Dalam *The Observer* bertarikh 21 Jun 2024, kami mengetengahkan trend yang semakin meningkat dalam kalangan syarikat hartanah yang mempelbagaikan aktiviti perniagaan mereka ke dalam industri pusat data. Sebagai contoh, Sime Darby Property (SDP) merancang untuk membangunkan dan memajak sebuah pusat data berskala besar bernilai RM2 bilion di Elmina Business Park. Turut menyertai trend ini ialah Kumpulan Jakel, yang secara tradisinya dikenali dengan perniagaan tekstil. Jakel baru-baru ini bekerjasama dengan PiDC Holdings Sdn Bhd untuk membina pusat data Tahap III 51MW di Cyberjaya bernilai RM1.2 bilion. Walaupun langkah ini menyerlahkan potensi untuk aliran pendapatan baharu, ia juga menimbulkan persoalan tentang risiko dan cabaran mempelbagaian ke dalam aktiviti yang tidak berkaitan.

Syarikat memilih mempelbagaian atas pelbagai sebab, seringkali didorong oleh keperluan untuk mencipta aliran pendapatan baharu dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah. Apabila industri memasuki fasa matang dan tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada sumber pendapatan tradisional, syarikat mungkin melaksanakan mempelbagaian untuk menampung pendapatan yang merosot. Perkara ini amat relevan dalam sektor yang mana landskap persaingannya dipengaruhi oleh gangguan teknologi ataupun perubahan pilihan pengguna. Pempelbagaian juga boleh menjadi langkah

strategik untuk kekal relevan serta mengekalkan kelebihan daya saing. Syarikat boleh memanfaatkan peluang pertumbuhan di luar bidang perniagaan teras mereka dengan memasuki pasaran atau industri baharu. Ini bukan sahaja membantu menyebarkan risiko malah menyediakan platform untuk pengembangan di masa hadapan.

Walaupun bagaimanapun, mempelbagaian terutamanya ke dalam bidang perniagaan yang tidak berkaitan, datang bersama-sama cabaran. Walaupun ia boleh mengurangkan risiko dengan mengurangkan pergantungan pada satu aliran pendapatan, ia juga boleh mewujudkan kerumitan yang membebankan sumber syarikat. Pasaran dan industri yang berbeza mungkin memerlukan kepakaran baharu, yang membawa kepada kos operasi yang lebih tinggi serta memerlukan peningkatan pengawasan daripada pihak pengurusan. Selain itu, usaha mempelbagaian yang tidak diurus dengan baik boleh melemahkan tumpuan syarikat, mengakibatkan ketidakcekapan serta mengurangkan kesepaduan dalam strategi syarikat secara keseluruhan. Mengintegrasikan perniagaan baharu, terutamanya yang tidak berkaitan dengan operasi teras, boleh mewujudkan kerumitan yang mempengaruhi prestasi syarikat dan berpotensi menjejaskan kestabilan kewangannya. Oleh itu, syarikat perlu menilai dengan teliti risiko dan manfaat sebelum membangunkan strategi mempelbagaian.

Daripada kayu kayan kepada kedai teh: Perjalanan Auro yang tidak dijangka

Satu contoh mempelbagaian yang ketara ialah Auro Holdings Berhad (Auro), sebuah syarikat yang aktiviti utamanya terlibat dalam pembuatan produk kayu. Baru-baru ini, Auro mengembangkan perniagaannya ke dalam sektor makanan dan minuman (F&B) dengan menandatangani berbilang perjanjian francais dengan HK HeyCha Limited untuk mengendalikan kedai teh susu dan teh buah-buahan HEYTEA.

Pada awal 2023, Auro mempelbagaikan aktiviti utamanya ke dalam bidang perlombongan dan perdagangan pasir. Walaupun perlombongan pasir suatu industri yang bergerak perlahan, yang menyebabkan kerugian berjumlah RM32,311 bagi tahun kewangan berakhir 28 Februari 2024 (tahun kewangan berakhir 2024), Syarikat kekal optimistik tentang prospek jangka panjang perniagaan ini.

Pempelbagaian Auro ke dalam sektor F&B baru-baru ini, terutamanya menerusi beberapa perjanjian francais selama lima tahun dengan HK Heycha, ternyata mengundang perhatian. Walaupun pendapatannya meningkat kepada RM6.95 juta pada tahun kewangan 2024 (berbanding RM2.63 juta pada tahun sebelumnya), yang didorong oleh sumbangan daripada perniagaan pasir dan F&B, terdapat kebimbangan terhadap kemampuan pertumbuhan ini.

Prestasi kewangan Auro pada tahun kewangan berakhir 2024 menunjukkan sedikit peningkatan, dengan pengurangan kerugian sebanyak RM2.02 juta berbanding RM5.65 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini berpunca daripada pengurusan perbelanjaan yang lebih baik, usaha penstrukturan semula serta yuran guaman dan kos penalti yang lebih rendah. Bagaimanapun, ketiadaan perjanjian francais induk Auro

dengan HK Heycha menimbulkan kebimbangan tentang keupayaannya untuk bersaing secara berkesan dan mampan dalam sektor F&B.

Menurut maklum balas Auro terhadap surat MSWG, Syarikat tidak memegang francais induk untuk jenama itu. Tanpa francais induk, Auro tidak dapat mewujudkan rangkaian francais tempatan, yang mana menyekat potensinya untuk menjana pendapatan tambahan. Ketiadaan hak eksklusif mendedahkan syarikat kepada persaingan daripada pemain lain yang boleh memasuki pasaran di bawah jenama yang sama. Lagipun, perjanjian francais selama lima tahun menimbulkan kebimbangan terhadap kemampuan aliran pendapatan ini dalam jangka panjang. Ringkasnya, kesinambungan cawangan HEYTEA Auro adalah atas budi bicara HK Heycha apabila tamat tempoh lima tahun.

Industri F&B amat berdaya saing dan pengalaman Auro yang masih terhad dalam sektor ini boleh menimbulkan cabaran yang ketara. Walaupun Syarikat merancang untuk mengembangkan tenaga kerjanya bagi menyokong perniagaan F&B, mereka juga perlu membangunkan kepakaran yang diperlukan untuk berjaya dalam usaha niaga baharu ini. Pemain rangkaian kedai teh sedia ada dalam pasaran Malaysia sudah mempunyai pengiktirafan jenama yang kukuh serta pangkalan pelanggan yang setia, menyukarkan Auro untuk menarik pelanggan baharu.

Adakah mempelbagaian selalunya bukan idea yang baik?

Walaupun mempelbagaian kadangkala datang bersama-sama risiko, ia juga menyumbang kepada kejayaan yang ketara dalam beberapa keadaan.

Ambil contoh KUB Malaysia Berhad, yang mengambil alih A&W (Malaysia) Sdn Bhd pada 2001, iaitu rangkaian restoran perkhidmatan makanan segera yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Pada 2017, pendapatan segmen makanan KUB telah meningkat sebanyak 34% tahun ke tahun dan keuntungannya selepas cukai meningkat sebanyak 38% tahun ke tahun. Pada 2018, KUB berjaya menjual sahamnya dalam A&W, memperoleh keuntungan sebanyak RM23.3 juta. Ini menunjukkan bahawa mempelbagaian boleh mendatangkan keuntungan kewangan yang besar dengan strategi yang betul.

Bagaimanapun, tidak semua usaha mempelbagaian melakar kejayaan. Kegilaan pembuatan sarung tangan pada tahun 2020 menjadi peringatan yang jelas. Didorong oleh permintaan dan harga yang melambung tinggi, banyak PLC menjadi bidan terjun ke dalam aktiviti pengeluaran sarung tangan, yang selalunya memerlukan kepakaran dan keupayaan pelaksanaan yang tinggi. Tindakan mereka mendorong berlakunya lebih bekalan dalam pasaran, yang menyebabkan harga jualan purata menjunam. Kisah sarung tangan ini menjadi amaran kepada syarikat yang mahu mencuba-cuba melaksanakan mempelbagaian.

Perkara ini dapat dilihat dalam Vizione Holdings Berhad, sebuah syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah. Pada 2021, mereka mempelbagaikan aktiviti ke dalam sektor penjagaan kesihatan dengan memperoleh 51% kepentingan dalam SSN Medical Products

Sdn Bhd, sebuah pengeluar kondom dan sarung tangan getah. Malangnya, pelaburan ini terbukti suatu pengalaman yang mahal. Menjelang 2022, Vizione terpaksa keluar daripada perniagaan penjagaan kesihatan selepas mengalami kerugian yang besar. Pasti Vizione bukanlah satu-satunya syarikat yang tersungkur akibat tindakan berani dan berisiko seperti itu pada kemuncak wabak COVID-19.

Sebaliknya, InNature Berhad, sebuah syarikat yang menjual produk kosmetik dan penjagaan diri di bawah jenama "The Body Shop", baru-baru ini mempelbagaikan aktiviti mereka ke dalam sektor F&B dengan mengambil alih sebuah perniagaan restoran. Tidak seperti Auro, mempelbagaian InNature Berhad nampaknya lebih strategik. Mereka telah memperoleh hak eksklusif untuk mengendalikan restoran di bawah jenama "Burger & Lobster" di Malaysia, Indonesia dan Vietnam. Hak eksklusif ini melindungi InNature daripada persaingan dan membuka peluang perniagaan serantau.

Tambahan pula, pengalaman InNature menjalankan perniagaan runcit francais memberikan mereka kelebihan daya saing dalam sektor F&B. Berbekalkan pengalaman selama 40 tahun mengendalikan francais The Body Shop, InNature berada pada kedudukan yang baik untuk menjayakan usaha niaga baharu ini. Syarikat itu juga mendapat manfaat daripada perjanjian pembangunan jangka panjang, yang menyediakan aliran pendapatan yang stabil sehingga 21 tahun. Selain itu, lembaga pengarah dan pihak pengurusan terutamanya pengerusi dan pengarah urusan InNature mempunyai pengalaman yang luas dalam perniagaan runcit.

Perkara yang perlu dipertimbangkan apabila syarikat memilih mempelbagaian: Apa yang pemegang saham perlu tahu?

Banyak syarikat mula meneroka peluang mempelbagaian. Oleh itu, para pemegang saham perlu sentiasa berwaspada dan menilai potensi risiko dan manfaat daripada usaha niaga ini. Berikut ialah beberapa faktor utama yang perlu dipertimbangkan semasa menilai strategi mempelbagaian syarikat:

1. **Kesesuaian strategik:** Adakah mempelbagaian itu sejajar dengan kecekapan teras dan matlamat strategik syarikat? Kesesuaian strategik yang mantap meningkatkan kebarangkalian kejayaan mempelbagaian itu.
2. **Kepakaran pengurusan:** Adakah syarikat mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk berjaya dalam perniagaan baharu? Jika belum, adakah mereka mengambil tindakan untuk mendapatkan pengetahuan yang diperlukan?
3. **Penilaian risiko:** Adakah syarikat telah menjalankan penilaian risiko yang menyeluruh terhadap usaha niaga baharu? Ini termasuk menilai persaingan, permintaan pasaran, cabaran kawal selia dan potensi risiko kewangan.
4. **Kemampuan jangka panjang:** Adakah mempelbagaian itu menjanjikan peluang pendapatan yang berjangka panjang atau adakah ia cuma penyelesaian jangka

pendek? Pemegang saham perlu berhati-hati terhadap usaha mempelbagaian yang tidak menawarkan laluan yang jelas untuk mencapai keuntungan yang mampan.

5. **Hak eksklusif dan kelebihan daya saing:** Adakah syarikat mendapat hak eksklusif atau kelebihan daya saing lain dalam pasaran baharu? Ini boleh dijadikan sebagai penampan terhadap persaingan dan meningkatkan peluang untuk berjaya.
6. **Kesan kepada perniagaan teras:** Bagaimanakah mempelbagaian ini mempengaruhi perniagaan teras syarikat? Pemegang saham perlu memastikan bahawa usaha niaga baharu itu tidak mengalihkan sumber atau perhatian daripada operasi utama syarikat.
7. **Pemantauan selepas pelaburan:** Apabila aktiviti mempelbagaian sedang dijalankan, sejauh manakah syarikat memantau prestasinya? Pemegang saham perlu memerhatikan petanda bahawa pihak pengurusan sedang aktif mengurus perniagaan baharu dan membuat pelarasan yang diperlukan.

Pempelbagaian ibarat serampang dua mata. Ia boleh menyediakan peluang pertumbuhan baharu dan aliran pendapatan tetapi pada masa yang sama, mewujudkan risiko yang ketara. Bagi pemegang saham, kuncinya ialah menilai secara kritikal setiap usaha mempelbagaian, dengan mengambil kira faktor seperti kesesuaian strategik, kepakaran pengurusan dan kemampuan jangka panjang. Dengan berbuat demikian, mereka boleh membuat keputusan termaklum dan memastikan bahawa usaha mempelbagaian syarikat bukan suatu kesilapan yang mahal, sebaliknya dapat menyumbang kepada penciptaan nilai yang berjangka panjang.

Kesimpulannya, mempelbagaian tidak semestinya baik atau buruk. Kejayaan mempelbagaian bergantung pada perancangan, pelaksanaan dan pengurusan. Syarikat perlu mengambil pendekatan berhati-hati apabila mempertimbangkan mempelbagaian, menilai dengan teliti setiap risiko dan peluang sebelum meneroka bidang baharu.

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 26 hingga 30 Ogos 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
26.08.24 (Isnin) 10.00 pagi	Dominant Enterprise Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2024 terus menjadi tahun yang mencabar bagi Kumpulan dengan kelembapan yang ketara dalam industri perabot, terutamanya eksport perabot ke Amerika Syarikat (AS). Kadar gadaai janji yang tinggi di AS menyebabkan kemerosotan dalam pasaran perumahan serta lebih inventori, mengurangkan dengan ketara pesanan daripada kebanyakan pelanggan Kumpulan, yang secara tidak langsung memberi kesan kepada perniagaannya (Halaman 12, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Memandangkan AS adalah destinasi eksport perabot terbesar Malaysia, adakah pelanggan Kumpulan (pengeluar perabot) mengambil apa-apa tindakan bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada pasaran AS?</p> <p>b) Berapa peratus daripada pelanggan Kumpulan terdiri daripada pengeluar perabot dan apakah strategi yang dirancang untuk mendapatkan pelanggan baharu bagi mengurangkan pergantungan terhadap pengeluar perabot?</p>
26.08.24 (Isnin) 10.00 pagi	PCCS Group Berhad (AGM)	<p>1. Pada tahun kewangan 2024, bahagian pakaian yang beroperasi di China dan Kemboja, menjana pendapatan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>berjumlah RM367.81 juta, menyusut 19.58% daripada tahun kewangan 2023, terutamanya disebabkan oleh pengurangan jualan daripada bahagian pakaian Hong Kong (Halaman 24, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Memandangkan pendapatan daripada bahagian pakaian menyusut dengan ketara berbanding pendapatan Kumpulan, sila berikan pecahan jualan tahun ke tahun mengikut pasaran untuk bahagian pakaian.</p> <p>b) Adakah pasaran Hong Kong menjadi penyumbang terbesar kepada margin keuntungan bahagian pakaian sehingga kemerosotan dalam jualan pasaran ini baru-baru ini menyebabkan kesan mendatar ke atas prestasi keuntungan bahagian pakaian yang berjumlah RM4.9 juta?</p> <p>c) Apakah faktor yang menyumbang kepada penurunan mendadak dalam jualan pakaian di pasaran Hong Kong, yang menjejaskan pendapatan bahagian pakaian dan Kumpulan secara keseluruhan? Adakah kemerosotan dalam bahagian pakaian di Hong Kong dijangka berterusan atau adakah ia dilihat sebagai situasi yang tidak berulang?</p> <p>d) Apakah prospek pasaran pakaian di Hong Kong dan apakah strategi yang dirancang untuk meningkatkan jualan khususnya untuk pasaran ini?</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
27.08.24 (Selasa) 11.00 pagi	HHRG Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, pendapatan Kumpulan merosot sebanyak 19.93% kepada RM124.32 juta disebabkan oleh penurunan jualan dalam segmen bahan biojisim (18.73%) serta perabot dan tilam (22.86%). Penurunan dalam segmen biojisim dikaitkan dengan harga yang kembali normal selepas konflik di Ukraine manakala segmen perabot dan tilam terjejas oleh inflasi dan krisis di Laut Merah (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Pada AGM ke-12, lembaga/pengurusan menegaskan bahawa bahagian biojisim amat bergantung pada harga minyak sawit mentah yang kini sudah stabil. Namun begitu, prestasi bahagian biojisim terus menurun, dengan pengurangan tahun ke tahun sebanyak 5% pada tahun kewangan berakhir 2023, dan semakin merosot kepada 18.7% pada tahun kewangan berakhir 2024.</p> <p>Sila jelaskan sebab segmen biojisim terus merosot walaupun harga minyak sawit mentah sudah stabil. Apakah punca utama penurunan yang ketara dalam bahagian biojisim ini? Bagaimanakah prospek bahagian biojisim?</p> <p>b) Pada AGM ke-12, lembaga/pengurusan menyatakan bahawa Kumpulan telah memulakan projek biokompos pada suku pertama tahun lepas, dengan melabur dalam perbelanjaan modal dan menjangkakan penjanaan pendapatan pada tahun kewangan berakhir 2024. Adakah pengeluaran biokompos telah dimulakan? Jika ya, di manakah lokasi kemudahan itu? Berapakah jumlah jualan dan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>perolehan daripada pengeluaran biokompos ini? Berapakah perbelanjaan modal yang telah dibelanjakan dan berapakah pula kos penyelenggaraannya?</p> <p>c) Berapakah sumbangan jualan daripada perniagaan perabot kepada Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024 dan apakah trend jualan yang ketara sejak pengambilalihan MG Furniture pada 2021? Wilayah manakah penyumbang terbesar kepada jualan perniagaan perabot pada tahun kewangan berakhir 2024 dan apakah bahagian pasaran semasa untuk wilayah ini?</p> <p>d) Pada AGM ke-12, lembaga pengarah/pengurusan menyebut bahawa Kumpulan masih menumpukan untuk mengeksport perabot yang diniagakan dan tidak bercadang untuk menjualnya di pasaran tempatan sehingga syarikat itu meluaskan perniagaannya. Adakah Kumpulan telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk memasarkan perniagaan perabot mereka untuk jualan tempatan? Apakah hasil kajian itu dan apakah yang menghalang Kumpulan daripada memasarkan perabot mereka di Malaysia? Dalam keadaan inflasi semasa dan krisis di Laut Merah, adakah Kumpulan akan mempertimbangkan untuk menjual peralatan tempat tidur kanak-kanak di Malaysia?</p> <p>e) Memandangkan keadaan inflasi dan krisis di Laut Merah, berapakah purata bilangan kontena semasa yang dieksport setiap bulan untuk segmen perniagaan perabot dan tilam?</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>Berapa jauhkah bilangan ini daripada bilangan kontena yang dieksport setiap bulan pada “tahap sihat”? Selain itu, apakah prospek bagi segmen perniagaan ini dan sila nyatakan apakah strategi yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan untuk merencanakan semula jualan bagi segmen perniagaan perabot dan tilam?</p>
<p>27.08.24 (Selasa) 12.00 tengah hari</p>	<p>Mytech Group Berhad (AGM)</p>	<p>Bahagian pembuatan mencatatkan perolehan jualan yang lebih tinggi pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024, terutamanya disumbangkan oleh jentera baharu yang dipertingkatkan (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah kadar perolehan jualan semasa dan sebelum ini? Adakah bahagian itu menjangkakan untuk merekodkan satu lagi kadar perolehan jualan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2025? Jika tidak, apakah sebabnya?</p>
<p>27.08.24 (Selasa) 02.30 petang</p>	<p>WCE Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pada penghujung tahun kewangan 2024, penghutang perdagangan Kumpulan daripada pihak luar berjumlah RM27.067 juta, yang mana sebahagian besar daripada jumlah ini mewakili kerugian rosot nilai terkumpul sebanyak RM10.651 juta. Penghutang lain daripada pihak luar pula berjumlah RM99.842 juta dan sebanyak RM87.789 juta telah dirosot nilai. (Halaman 133, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Sila huraikan jenis akaun yang terkandung dalam kedua-dua item ini iaitu penghutang perdagangan dan penghutang lain.</p> <p>b) Mengapakah jumlah rosot nilai begitu besar untuk kedua-dua penghutang ini? Apakah kebarangkalian untuk</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		memulihkan semula jumlah yang dirosot nilai?
27.08.24 (Selasa) 03.00 petang	Power Root Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai (profit after tax, PAT) sebanyak RM42.3 juta pada tahun kewangan 2024, menyusut 28.9% berbanding PAT sebanyak RM59.5 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 111, Laporan Tahunan 2024). Penurunan dalam PAT adalah disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah serta peningkatan dalam kos bahan mentah serta kos penyerapan yang disebabkan oleh hasil pengeluaran yang lebih rendah (Halaman 28, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Pasaran manakah yang menjadi penyumbang utama kepada penurunan dalam pendapatan dan PAT? Apakah pelan tindakan yang diambil untuk meningkatkan hasil dan perolehan?</p> <p>b) Apakah trend harga untuk bahan mentah utama Power Root? Adakah Syarikat dapat menyalurkan kenaikan kos ini kepada pelanggan?</p>
28.08.24 (Rabu) 10.00 pagi	Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (AGM)	<p>Kumpulan akan terus menggiatkan usaha mereka demi memperkukuh usaha niaganya ke dalam kategori produk baharu, khususnya dalam perniagaan berkaitan air. Kejayaan memperkenalkan serta menaik taraf produknya yang berkaitan air, termasuklah Penulen Air Osmosis Berbalik (Reverse Osmosis Water Purifier, ROWP), Sistem Penulenan Air (Water Purification System, WPS) dan siri Pancuran Mandian Rumah (Instant Home Shower), merupakan langkah penting ke arah ini. Berdasarkan momentum ini, Kumpulan akan memantau dengan teliti trend pasaran serta permintaan pengguna</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>bagi mengenal pasti peluang selanjutnya untuk pengembangan dalam kategori tersebut (Halaman 18, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah trend pasaran semasa dan bagaimanakah permintaan pengguna untuk produk yang dinyatakan di atas?</p> <p>b) Walaupun PMMA melancarkan produk ini kurang dari setahun yang lalu dalam pasaran masing-masing, kami ingin mengetahui kadar penembusan semasa untuk ROWP di Vietnam, WPS di Indonesia dan siri Pancuran Mandian Rumah dalam pasaran utama Asia dan kadar penembusan pasaran yang disasarkan untuk produk-produk ini dalam beberapa tahun yang akan datang.</p> <p>c) Apakah jualan semasa produk ini dan berapakah peratus sumbangannya kepada pendapatan Kumpulan?</p> <p>d) Adakah PMMA telah mengenal pasti sebarang peluang untuk pengembangan dalam kategori ini? Jika ya, apakah peluang yang ada untuk dimanfaatkan?</p>
28.08.24 (Rabu) 10.00 pagi	Auro Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian Segmen untuk tahun tersebut</p> <p>Kerugian segmen Pengacuan dan Kayu menyusut kepada RM1,219,723 (tahun kewangan berakhir 2023: kerugian RM3,431,805) sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam perolehan terlaras sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (earnings before</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>interest, tax, depreciation and amortisation, EBITDA), susut nilai yang lebih rendah serta peruntukan yang lebih rendah untuk inventori yang bergerak perlahan. Pengurangan kerugian bagi tahun tersebut mewakili varians positif sebanyak 64.46% atau RM2,212,082 (Halaman 109-110, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Melihat peningkatan yang ketara dalam prestasi barisan bawah, adakah Lembaga meramalkan segmen ini akan menjana keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2025? Jika tidak, mengapa?</p> <p>Jualan makanan dan minuman serta pasir marin masing-masing mencatatkan kerugian sebanyak RM99,545 dan RM32,311 (Halaman 109, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Bilakah Lembaga Pengarah menjangkakan prestasi kedua-dua segmen perniagaan ini sekurang-kurangnya pulang modal? Sila jelaskan sebab jualan segmen pasir marin tidak merekodkan EBITDA terlaras yang positif tetapi EBITDA terlaras yang negatif pada tahun kewangan 2024.</p>
28.08.24 (Rabu) 10.00 pagi	Minetech Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain masing-masing berjumlah RM3.2 juta (tahun kewangan 2023: RM4.0 juta) dan RM2.6 juta (tahun kewangan 2023: Tiada) pada tahun kewangan 2024. (Halaman 106, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Sila jelaskan sifat di sebalik kerugian rosot nilai ini.</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>b) Adakah Kumpulan menjangkakan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain akan bertambah pada tahun kewangan 2025?</p> <p>c) Apakah kemungkinan untuk memulihkan rosot nilai ini dan apakah anggaran peratusan yang dapat dipulihkan?</p>
<p>28.08.24 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>Matrix Concepts Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Menara Syariah yang telah siap pada tahun kewangan 2024, terdiri daripada bangunan komersial dan runcit dengan menara pejabat berkembar 29 tingkat, dengan keluasan lantai kasar berjumlah satu juta kaki persegi termasuk dua puluh tiga tingkat ruang pejabat Gred A. (Halaman 49, Laporan Tahunan Bersepadu 2024)</p> <p>a) Berapakah kadar pengambilan terkini untuk Menara Syariah setakat Julai 2024?</p> <p>b) Adakah penjualan Menara Syariah dipengaruhi oleh Kerajaan Indonesia yang memindahkan ibu negaranya ke Nusantara?</p> <p>c) Adakah Kumpulan merancang untuk meluaskan perniagaannya ke Nusantara? Jika ya, sila berikan sebabnya.</p> <p>d) Bilakah Syarikat akan melancarkan projek hartanah keduanya di Indonesia dan di manakah lokasi projek yang dimaksudkan?</p> <p>e) Adakah Syarikat berjaya mendapatkan penyewa utama untuk Menara Syariah? Jika ya, sila namakan penyewa itu dan nyatakan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>pendapatan sewa tahunan penyewa tersebut.</p> <p>f) Adakah Syarikat merancang untuk mengembangkan perniagaannya ke negara ASEAN lain seperti Singapura, Vietnam dan Filipina? Jika ya, sila jelaskan.</p>
<p>28.08.24 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>Hextar Technologies Solutions Berhad (AGM)</p>	<p>Perbelanjaan yang berterusan untuk pemasaran dan pembangunan MoneyX akan mengatasi perolehan daripada segmen bukan teknologi (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang dikaitkan dengan pemasaran produk pasca pembangunan untuk menarik pengguna? Sila terangkan secara ringkas kos penyelenggaraan dan pengendalian MoneyX.</p> <p>b) Pembangunan SuperApp memerlukan modal. Berapakah modal yang telah dibelanjakan untuk membangunkan MoneyX? Bilakah tempoh bayaran balik yang dijangkakan?</p> <p>c) MoneyX mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan, dengan lebih 100,000 muat turun menjelang akhir Jun 2024. Berapakah bilangan muat turun semasa?</p>
<p>28.08.24 (Rabu) 02.30 petang</p>	<p>Oriental Food Industries Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan sedang mengorak langkah memasuki fasa pengembangan pengeluaran yang mengujakan dengan pembinaan blok kilang baharu yang merangkumi kemudahan gudang. Projek ini adalah bukti komitmennya terhadap pertumbuhan dan inovasi. Kumpulan menjangkakan projek itu akan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, berhasrat</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>untuk menyelesaikannya sebelum akhir tahun kewangan akan datang. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah perbelanjaan modal untuk pengembangan ini dan apakah pecahannya? Bagaimanakah struktur pembiayaan dan berapakah pulangan yang dijangka daripada modal yang digunakan?</p> <p>b) Kategori produk manakah yang akan menjadi tumpuan dalam pengembangan kapasiti ini?</p> <p>c) Apakah kapasiti tambahan daripada pengembangan ini?</p> <p>d) Bilakah Kumpulan menjangkakan kilang baharu itu akan mula beroperasi?</p>
<p>28.08.24 (Rabu) 03.00 petang</p>	<p>Perusahaan Sadur Timah Malaysia (Perstima) Bhd (AGM)</p>	<p>Perkara Audit Utama (Halaman 110 - 113, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>- Mempertimbangkan rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan (property, plant and equipment, PPE) dan aset hak guna (right-of-use (ROU) assets).</p> <p>Komen juruaudit luar KPMG PLT: Setakat 31 Mac 2024, amaun dibawa untuk PPE dan aset hak guna Kumpulan masing-masing berjumlah RM362.89 juta dan RM18.21 juta. Terdapat petunjuk kepada rosot nilai iaitu amaun dibawa untuk PPE dan aset hak guna Kumpulan mungkin lebih tinggi daripada amaun boleh pulih.</p> <p>- Rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat dan jumlah terhutang daripada anak syarikat</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>Komen juruaudit luar KPMG PLT: Setakat 31 Mac 2024, Syarikat mempunyai pelaburan dalam anak syarikat berjumlah RM145.04 juta dan jumlah terhutang daripada anak syarikat berjumlah RM446.32 juta.</p> <p>Memandangkan ada anak syarikat tertentu yang merekodkan kerugian pada tahun-tahun kewangan kebelakangan ini dan berlatarkan keuntungan masa hadapan yang tidak menentu, terdapat petunjuk bahawa amaun dibawa untuk pelaburan dalam anak syarikat dan jumlah terhutang daripada anak syarikat ini mungkin dirosot nilai.</p> <p>a) Apakah petunjuk rosot nilai yang dinilai oleh Juruaudit bagi menentukan sama ada rosot nilai diperlukan untuk amaun dibawa PPE, aset hak-guna, pelaburan dan jumlah terhutang daripada anak syarikat?</p> <p>b) Anak syarikat manakah yang mengalami kerugian sehingga menimbulkan kebimbangan terhadap rosot nilai pelaburan?</p> <p>c) Status rugi anak syarikat tertentu mungkin meningkatkan risiko rosot nilai ke atas PPE dan pelaburan dalam anak syarikat jika amaun dibawa untuk item-item ini melebihi amaun boleh pulih. Justeru, ini boleh membawa kepada kerugian rosot nilai dan pengurangan nilai aset dalam penyata pendapatan dan kunci kira-kira.</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan merancang untuk menangani dua Perkara Audit Utama yang saling berkait ini? Apakah strategi yang</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>akan diguna pakai oleh Perstima untuk mengurus dan menangani risiko ini? Sila komen tentang kemungkinan rosot nilai ke atas PPE dan anak syarikat.</p>
<p>29.08.24 (Khamis) 09.30 pagi</p>	<p>Harvest Miracle Capital Berhad (AGM)</p>	<p>Penghutang perdagangan Kumpulan yang telah lampau tempoh melebihi setahun meningkat dengan ketara kepada RM346,193 pada tahun kewangan berakhir 2024 daripada RM3,671 pada tahun kewangan berakhir 2023 (Halaman 117-118, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah kesulitan yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mendapatkan semula penghutang perdagangan yang tertunggak melebihi setahun, terutamanya apabila jumlah tertunggak meningkat dengan ketara?</p> <p>b) Apakah profil pelanggan Kumpulan yang terangkum dalam penghutang perdagangan yang tertunggak melebihi setahun pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>c) Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip oleh Kumpulan sehingga sekarang?</p>
<p>29.08.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>QL Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah memulakan usaha niaga baharu iaitu membekalkan makanan untuk MAS Awana dengan tujuan untuk terus menggunakan sumber QL serta mencapai skala ekonomi. Pencapaian ini meletakkan Syarikat sebagai satu daripada sepuluh rakan kongsi yang dipilih untuk membekalkan makanan yang mudah disediakan sebagai kegunaan dalam penerbangan. (Halaman 27, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah sumbangan pendapatan daripada usaha baharu membekalkan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>makanan kepada MAS Awana untuk tahun kewangan 2024 ini kepada Kumpulan?</p> <p>b) Adakah usaha niaga baharu membekalkan makanan kepada MAS Awana ini mempunyai nilai tetap dan tempoh kontrak?</p> <p>c) Sejauh manakah Kumpulan menjangkakan usaha niaga baharu ini iaitu membekalkan makanan kepada MAS Awana, akan berkembang pada masa hadapan?</p>
29.08.24 (Khamis) 10.00 pagi	Ajinomoto (M) Berhad (AGM)	<p>“Syarikat kekal komited terhadap inovasi produk dan perkhidmatan pelanggan. Dengan menggalakkan penggunaan penyelesaian inovatif kami secara berkesan di seluruh industri makanan, kami menasarkankan untuk terus memenuhi perkembangan keperluan pelanggan kami yang berbagai-bagai jenis.” (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Bagaimanakah Ajinomoto memanfaatkan teknologi dan analisis data untuk memacu inovasi dalam pembangunan perisa dan perasa makanan?</p>
29.08.24 (Khamis) 10.00 pagi	AME Elite Consortium Berhad (AGM)	<p>Segmen Pembangunan Hartanah</p> <p>Kumpulan memperoleh RM283.6 juta jualan baharu pada tahun kewangan 2024, berbanding RM479.2 juta pada tahun sebelumnya (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Penurunan dalam jualan baharu menunjukkan permintaan pasaran yang menyusut untuk hartanah perindustrian pada tahun kewangan 2024. Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap permintaan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>pasaran bagi hartanah perindustrian di Johor dan Pulau Pinang?</p> <p>b) Adakah kadar pengambilan semasa untuk i-TechValley di Southern Industrial & Logistics Clusters (SILC), salah sebuah projek pembangunan utama Kumpulan, memenuhi jangkaan Pengurusan?</p> <p>c) Susulan jualan 11 plot tanah pegangan bebas di i-TechValley pada harga RM209.8 juta, apakah nilai pembangunan kasar yang disemak semula untuk i-TechValley?</p>
<p>29.08.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>IJM Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2024, bahagian Pembinaan mencapai pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM1,675.56 juta (tahun kewangan 2023: RM1,069.91 juta) tetapi keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan adalah lebih rendah, berjumlah RM36.81 juta (tahun kewangan 2023: RM90.98 juta). Keuntungan yang merosot sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian yang diiktiraf daripada tiga projek yang sedang berjalan yang terjejas oleh perubahan dalam skop kerja, kenaikan harga bahan binaan serta kos akibat pemanjangan dalam usaha untuk mendapatkan tuntutan yang berpotensi. (Halaman 71, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Sila nyatakan tiga projek yang mengiktiraf kerugian ini. Selain itu, apakah tahap pembangunan semasa untuk tiga projek ini?</p> <p>b) Apakah kerugian yang diiktiraf pada tahun kewangan 2024 dan apakah tuntutan yang berpotensi yang sedang cuba diperolehi oleh Kumpulan?</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
29.08.24 (Khamis) 10.30 pagi	JOE Holding Berhad (AGM)	<p>Pada 5 Februari 2024, Syarikat telah melupuskan 70% kepentingan ekuitinya dalam GP Products Sdn. Bhd. (GPP), sebuah syarikat subsidiari 70% milik Syarikat dengan balasan tunai berjumlah RM12,700,000. Susulan pelupusan itu, GPP dan anak syarikatnya iaitu GPA Technologies Sdn. Bhd. dan GP FirstPower Technologies Sdn. Bhd. tidak lagi menjadi anak syarikat Syarikat. (Nota 7, Halaman 94, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah sumbangan pendapatan dan keuntungan daripada GPP dan anak syarikatnya iaitu GPA Technologies Sdn. Bhd. dan GP FirstPower Technologies Sdn. Bhd. kepada JOE Group untuk tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Berdasarkan pengumuman Bursa bertarikh 29 Januari 2024, pertimbangan pelupusan telah dibuat atas dasar 'willing-buyer willing-seller' iaitu dengan kerelaan hati kedua-dua pembeli dan penjual serta berdasarkan aset bersih pada 31 Mac 2023 yang diaudit berjumlah RM16,591,393 dan keuntungan selepas cukai yang diaudit berjumlah RM596,694.</p> <p>Sejauh manakah pelupusan GPP ini memberi kesan terhadap pendapatan dan keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan 2025?</p>
29.08.24 (Khamis) 10.30 pagi	YGL Convergence Berhad (AGM)	<p>Pelan tindakan ekonomi digital kerajaan terutamanya yang berkaitan transformasi digital perniagaan kekal jelas dan tidak berubah menerusi pelbagai program di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta insentif cukai</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>bagi mendorong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat liabiliti berhad (LLC) untuk mendigitalkan dan mengautomasikan proses perniagaan mereka. YGL memiliki kepakaran domain untuk menyediakan sektor pembuatan dan logistik dengan Kecerdasan Buatan (AI), teknologi robotik dan penyepaduan mesin yang berkaitan. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah strategi Kumpulan untuk merebut peluang baharu daripada program transformasi digital kerajaan?</p> <p>b) Berapakah jumlah pesanan semasa/ boleh dibilkan untuk segmen perisian? Berapakah daripada jumlah pesanan ini dijangka akan diiktiraf pada tahun kewangan 2025?</p> <p>c) Apakah prospek permintaan untuk segmen perisian dalam tempoh dua belas bulan akan datang?</p>
29.08.24 (Khamis) 11.00 pagi	YLI Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan YLI menyusut kepada RM63.5 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM75.4 juta) berikutan permintaan yang lebih rendah untuk produknya dalam pasaran domestik, jualan luar negara yang minimum untuk produk MRPI selain perniagaan pembuatan yang dihentikan. Kumpulan juga mencatatkan kerugian kasar berjumlah RM3.9 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: kerugian kasar RM835,000) disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah serta kos bahan mentah yang lebih tinggi, misalnya besi buruk (Halaman 18, Laporan Tahunan 2024).</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>a) Apakah produk yang ditawarkan oleh YLI yang mengalami permintaan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2024? Bagaimanakah permintaan semasa untuk produk YLI?</p> <p>b) Adakah YLI mengambil sebarang inisiatif untuk meningkatkan jualan, terutamanya untuk produk dalam pasaran domestik? Jika ya, apakah inisiatif tersebut?</p> <p>c) Pada tahun kewangan 2024, jualan kepada/ pendapatan dari Vietnam muncul sebagai penyumbang utama kepada pendapatan luar negara Kumpulan (Halaman 92, Laporan Tahunan 2024). Apakah prospek pasaran Vietnam untuk produk YLI pada tahun kewangan 2025?</p> <p>d) YLI merekodkan kerugian kasar yang semakin meningkat pada tahun kewangan 2024. Apakah tindakan segera untuk menangani perkara ini? Menyaksikan kenaikan kos bahan mentah seperti besi buruk, sejauh manakah kos seumpama ini dapat disalurkan kepada pelanggan?</p> <p>e) Memandangkan perkara ini telah menjadi isu yang berterusan sejak dulu lagi, bagaimanakah Kumpulan berhasrat untuk mengurus bekalan bahan mentahnya pada masa hadapan?</p>
29.08.24 (Khamis) 11.00 pagi	YBS International Berhad (AGM)	Segmen kejuruteraan dan acuan suntikan plastik berketepatan tinggi menyaksikan pendapatannya merosot 45% kepada 13.6 juta pada tahun kewangan 2024, terutamanya disebabkan oleh

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>permintaan pasaran yang lemah. Sebaliknya, segmen perkhidmatan pembuatan elektronik mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 419% kepada RM12.1 juta pada tahun kewangan 2024. Pertumbuhan yang ketara ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pemerolehan pelanggan baharu. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah prospek untuk kedua-dua segmen ini? Adakah Kumpulan menjangkakan permintaan akan meningkat, tidak berubah atau menurun pada tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Berapakah bilangan pelanggan baharu yang diperoleh Kumpulan pada tahun kewangan 2024? Sila ceritakan serba sedikit latar belakang pelanggan ini dan perniagaan teras mereka.</p> <p>c) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2025 dan apakah pecahannya?</p>
29.08.24 (Khamis) 11.00 pagi	Eastern & Oriental Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah mengiktiraf kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam usaha sama, Patsawan Properties Sdn. Bhd. (PPSB) berjumlah RM27,571,000, mewakili 16% daripada keuntungan sebelum cukai (PBT) Kumpulan pada tahun kewangan 2024. (Halaman 144, Laporan Tahunan)</p> <p>Kerugian rosot nilai PPSB adalah disebabkan oleh kelembapan prestasi jualan yang berterusan.</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<ul style="list-style-type: none"> a) Di manakah lokasi projek hartanah PPSB? b) Sila jelaskan sebab jualan hartanah PPSB yang perlahan. c) Apakah tindakan yang diambil untuk meningkatkan jualan hartanah PPSB?
29.08.24 (Khamis) 02.00 petang	PNE PCB Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM59.03 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (tahun kewangan berakhir 2023: RM81.58 juta), penghutang perdagangan dan penghutang lain meningkat daripada RM13.80 juta pada 31 Mac 2023 kepada RM16.38 juta pada 31 Mac 2024.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Adakah terdapat sebarang penumpuan risiko kredit yang ketara dengan pelanggan atau sektor tertentu yang boleh memberi kesan kepada kecairan Syarikat? b) Bagaimanakah Lembaga Pengarah memastikan pengurusan penghutang perdagangan adalah sejajar dengan kesihatan kewangan dan kecekapan operasi Syarikat secara keseluruhan?
29.08.24 (Khamis) 02.30 petang	ATA IMS Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM399.8 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024, mewakili pengurangan 56.3% berbanding dengan tahun kewangan lepas. Ini adalah kerana pada tahun lepas, Kumpulan masih melupuskan stok daripada pelanggan terdahulu. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2024)</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>a) Berapakah jumlah pendapatan (dalam peratus) pada tahun kewangan 2024 yang diperoleh daripada pelanggan terdahulu?</p> <p>b) Pendapatan Kumpulan telah merosot dengan ketara daripada RM4.3 bilion pada tahun kewangan 2021 kepada RM399.8 juta pada tahun kewangan 2024 selepas penamatan perjanjian dengan pelanggan utama iaitu Dyson pada 2021 dan 2022. Apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha untuk mendapatkan pelanggan baharu?</p> <p>c) Selain memperkemas operasi Syarikat, adakah Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan untuk menstruktur semula model perniagaannya bagi memulihkan prestasi semasa yang merugikan?</p>
29.08.24 (Khamis) 03.00 petang	Kumpulan Fima Berhad (AGM)	<p>Perolehan bahagian pembuatan merosot sebanyak RM67.99 juta daripada RM129.56 juta kepada RM61.57 juta pada tahun kewangan 2024 berikutan penurunan ketara dalam volum jualan dalam kebanyakan segmen produk, khususnya perjalanan, pengangkutan dan dokumen sulit. (Halaman 20, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Apakah prospek bahagian Pembuatan untuk tahun kewangan 2025? Segmen manakah yang dijangka meningkat dengan ketara dan apakah pemacu atau pemangkin utama di sebalik peningkatan itu?</p>
29.08.24 (Khamis) 04.00 petang	Kumpulan Fima Berhad (EGM)	Cadangan Pelan Insentif Jangka Panjang (Long Term Investment Plan, LTIP) terdiri

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>daripada cadangan Skim Opsyen Saham Pekerja (Employees' Share Option Scheme, ESOS) dan Pelan Pemberian Saham Pekerja (Employees' Share Grant Plan, ESGP).</p> <p>LTIP yang dicadangkan bertujuan untuk menarik, mengekalkan, memotivasi serta memberi ganjaran kepada orang yang layak melalui pemberian ESOS bersama-sama hak untuk melanggan Saham Kumpulan Fima (KFima) dan pemberian Saham KFima.</p> <p>ESOS yang dicadangkan juga diperluas kepada pengarah bukan eksekutif untuk entiti tersenarai dalam Kumpulan bagi mengiktiraf sumbangan mereka terhadap pertumbuhan dan prestasi Kumpulan serta membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pertumbuhan Kumpulan pada masa hadapan.</p> <p>MSWG tidak membantah cadangan ESOS dan ESGP untuk diberikan kepada pengarah eksekutif Syarikat dan Kumpulan kerana ESOS dan ESGP bertujuan untuk menarik, mengekalkan, memotivasi serta memberi ganjaran kepada pengarah eksekutif.</p> <p>Pengarah Syarikat yang lain termasuk Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif akan diberikan imbuhan dalam bentuk yuran dan elaun dan bukannya ESOS dan ESGP. Imbuhan mereka tidak sepatutnya berdasarkan keuntungan dan prestasi Kumpulan. Pemberian ESOS dan ESGP</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas						
		<p>kepada pengarah bebas tidak sepatutnya digalakkan bagi memastikan kebebasan dan keobjektifan mereka dalam melaksanakan peranan semak dan imbang. Jenis dan struktur imbuhan boleh menyebabkan potensi konflik kepentingan atau menjejaskan keobjektifan atau kebebasan Lembaga Pengarah.</p> <p>Cadangan peruntukan ESOS dan ESGP kepada pengarah bukan eksekutif bukan bebas juga tidak sepatutnya digalakkan kerana mereka tidak bertanggungjawab ke atas keuntungan dan prestasi Kumpulan.</p> <p>Berdasarkan perkara di atas, MSWG tidak menyokong resolusi yang dicadangkan untuk memperuntukkan ESOS dan ESGP kepada pengarah bebas dan pengarah bukan eksekutif bukan bebas.</p>						
30.08.24 (Jumaat) 09.00 pagi	Asia Brands Berhad (AGM)	<p>Aliran tunai operasi</p> <table border="1" data-bbox="836 1346 1410 1514"> <thead> <tr> <th data-bbox="836 1346 1082 1413"></th> <th data-bbox="1082 1346 1273 1413">TK2024 RM'000</th> <th data-bbox="1273 1346 1410 1413">TK2023 RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="836 1413 1082 1514">Tunai bersih daripada aktiviti operasi</td> <td data-bbox="1082 1413 1273 1514">346</td> <td data-bbox="1273 1413 1410 1514">6,626</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tunai bersih Kumpulan daripada aktiviti operasi telah merosot dengan ketara sejak dua tahun lepas, dengan hanya RM346,000 direkodkan pada tahun kewangan 2024. Selain itu, pinjaman bank jangka pendek meningkat kepada RM34.2 juta pada akhir tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM14.2 juta setahun yang lalu (Halaman 57, Laporan Tahunan 2024). Apakah cabaran yang dihadapi</p>		TK2024 RM'000	TK2023 RM'000	Tunai bersih daripada aktiviti operasi	346	6,626
	TK2024 RM'000	TK2023 RM'000						
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	346	6,626						

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		oleh Kumpulan untuk mengekalkan aliran tunai operasi yang sihat dan stabil?
30.08.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Solarvest Holdings Berhad (EGM)	<p>Potensi pendapatan dan penjimatan sewa mungkin diimbangi oleh kos faedah yang akan ditanggung oleh Kumpulan, memandangkan Cadangan Pengambilalihan akan dibiayai melalui gabungan dana yang dijana secara dalaman serta pinjaman bank. Selain itu, penggunaan dana yang dijana secara dalaman akan mengurangkan wang tunai yang tersedia untuk pelaksanaan projek.</p> <p>Syarikat juga sedang menjalankan pelaksanaan penempatan persendirian untuk mengumpul dana sebagai modal kerja dan membiayai projek solar atas bumbung komersial & perindustrian (commercial & industrial, C&I) serta projek Program Tenaga Hijau Korporat (Corporate Green Power Programme, CGPP).</p> <p>a) Bagaimanakah Syarikat merancang untuk mengimbangi potensi pendapatan dan penjimatan sewa dengan kos faedah yang akan ditanggung disebabkan oleh pinjaman bank yang digunakan untuk membiayai sebahagian daripada Cadangan Pengambilalihan itu?</p> <p>b) Memandangkan Cadangan Pengambilalihan ini akan dibiayai sebahagiannya melalui dana yang dijana secara dalaman, bagaimanakah tindakan ini memberi kesan kepada aliran tunai Syarikat dan keupayaannya untuk</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>melaksanakan projek yang sedang berjalan dan yang akan datang?</p> <p>c) Jika pelaksanaan penempatan persendirian ini tidak dapat diselesaikan seperti yang dijangka, bagaimanakah perkara ini akan menjejaskan Cadangan Pengambilalihan?</p> <p>d) Apakah jangkakan susut nilai tahunan yang berkaitan Menara Solarvest, termasuk perbelanjaan modal pada masa hadapan?</p>
<p>30.08.24 (Jumaat) 10.30 pagi</p>	<p>ACME Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah memeterai Perjanjian Pembangunan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk melaksanakan pembangunan hartanah di atas sebidang tanah yang terletak di Jalan Kia Peng, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Nilai Pembangunan Kasar RM1.54 bilion.</p> <p>a) Bagaimanakah Syarikat berjaya mendapatkan Perjanjian Pembangunan dengan PERKESO sedangkan terdapat pemaju hartanah lain yang lebih mapan yang turut berminat untuk membangunkan tanah tersebut?</p> <p>b) Berapakah bahagian keuntungan Syarikat daripada projek pembangunan hartanah ini?</p> <p>c) Bagaimanakah Syarikat merancang untuk membiayai pembangunan di atas tanah yang mempunyai Nilai Pembangunan Kasar yang besar?</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>d) Apakah keadaan yang boleh menyebabkan Perjanjian Pembangunan ini ditamatkan?</p> <p>e) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengurangkan risiko pembinaan dan penyiapan untuk projek hartanah ini?</p>
30.08.24 (Jumaat) 02.30 petang	SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (AGM)	<p>1. Menjelang 31 Mac 2024, jumlah pesanan tertunggak untuk Airbus dan Boeing meningkat kepada 14,885 pesawat. (Halaman 29, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Pada Januari 2024, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (Federal Aviation Administration, FAA) telah menghentikan pengembangan pengeluaran untuk Boeing 737 Max. (Sumber: laman sesawang FAA)</p> <p>Bagaimanakah arahan daripada FAA ini mempengaruhi SAMEE pada tahun kewangan berakhir 2024 dan tahun kewangan akan datang?</p> <p>2. Bagaimanakah jika Amerika Syarikat mengenakan Foreign Direct Product Rule ke atas eksport semikonduktor ke China? Adakah tindakan ini menjejaskan SAMEE sama ada secara langsung atau tidak langsung?</p>



MSWG CORPORATE MONITORING TEAM

Dr Ismet Yusoff, Chief Executive Officer (ismet@mswg.org.my)
Rita Foo, Head, Corporate Monitoring (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Manager, Corporate Monitoring (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Manager, Corporate Monitoring (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Manager, Corporate Monitoring (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Manager, Corporate Monitoring (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Manager, Corporate Monitoring (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Manager, Corporate Monitoring (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Manager, Corporate Monitoring (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Manager, Corporate Monitoring (lam.junket@mswg.org.my)

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.